

## **Jawatankuasa Khas Laksana Indeks Maqasid Syariah Antarabangsa Bernama**

**9 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Sebuah jawatankuasa khas akan ditubuhkan oleh Institut Wasatiah Malaysia (IWM) bagi melaksanakan Indeks Maqasid Syariah Antarabangsa seperti yang disarankan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Selasa malam.

Pengerusi IWM Tan Sri Dr Abdullah Md Zin berkata jawatankuasa khas itu akan dianggotai golongan profesional dari kalangan ahli akademik institut pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Katanya Malaysia akan menjadi penggerak utama pelaksanaan indeks itu dalam kalangan negara Islam di dunia.

"Nilai-nilai wasatiah seperti adil, amanah, tanggungjawab, keterbukaan dan tidak terlalu fanatik perlu diperincikan supaya masyarakat tidak salah faham.

"IWM akan memperkenalkan indeks itu di peringkat antarabangsa dan akan dijadikan resolusi pada Seminar Wasatiah Antarabangsa ini," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan tama pada seminar itu di sini hari ini.

Perdana menteri dalam ucapan perasmian seminar itu malam tadi mahu Malaysia memainkan peranan ke arah penubuhan Indeks Maqasid Syariah Antarabangsa bagi mengukur komitmen sesebuah negara Islam dalam melaksanakan syariat Islam.

Katanya indeks itu berperanan menangkis dakwaan pihak tertentu kononnya kesungguhan Malaysia melaksanakan dasar-dasar Islam tidak mengikut syariat Islam sebenarnya.

Dalam pada itu, Abdullah berkata satu pelan strategik mengenai wasatiah akan diperkenalkan tahun depan bagi tempoh lima tahun supaya pelaksanaan konsep itu dapat diterjemahkan di peringkat kementerian, agensi serta jabatan kerajaan termasuk IPT awam dan swasta.

Pelaksanaan pelan itu, katanya, akan digerakkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

"Di bawah pelan ini kami akan sebarkan maklumat kepada masyarakat mengenai lima prinsip maqasid syariah yang perlu dilaksanakan dalam pentadbiran merangkumi aspek penjagaan agama, nyawa, akal, maruah keturunan dan harta benda bagi memastikan Malaysia terus menjadi ikutan serta contoh kepada negara lain," kata Abdullah yang juga penasihat agama kepada perdana menteri.

Selain Malaysia, seminar dua hari anjuran IWM dengan kerjasama Felda itu melibatkan ilmuwan dari Jordan, Kuwait, Arab Saudi, Qatar dan Indonesia itu sertai kira-kira 700 peserta.

Sepanjang seminar 10 kertas kerja dalam pelbagai bidang dibentangkan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029133>